



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

LAPORAN RINGKAS

Tajuk Laporan	Seminar Falak Nusantara/ <i>Southeast Asia-Regional Astronomy Seminar (SARAS) 2021</i>
Tarikh	21-22 September 2021
Tempat	Secara Dalam Talian- <i>Webinar</i>
Penyertaan	326 penyertaan yang terdiri daripada kakitangan pihak Kerajaan, pihak swasta, penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pelajar, orang awam yang berminat mendapatkan ilmu dalam bidang falak/ astronomi dan penyertaan daripada MABIMS iaitu Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura.

Pada 21-22 September 2021, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dibawah seliaan Kelab INSTUN dengan kerjasama bersama 9 Agensi/ Jabatan Kerjasama di Malaysia seperti Universiti Malaya (UM), Jabatan Mufti Negeri Perak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Balai Cerap Telok Kemang, Negeri Sembilan dan Persatuan Jurufalak Syar'ie (JUFAS) telah berjaya menganjurkan sebuah seminar antarabangsa yang berimpak tinggi yang mengulangi kejayaan penganjuran SARAS pada tahun 2018 dengan menghimpunkan para ilmuan falak/ astronomi dari serata dunia dalam membahaskan, bertukar-tukar pendapat dan mencipta pelbagai penemuan baru dalam bidang Ilmu Falak.

SARAS 2021 yang buat julung kalinya diadakan menerusi platform secara dalam talian ini, telah mencapai sasaran penyertaan iaitu sejumlah 326 penyertaan yang terdiri daripada kakitangan pihak Kerajaan, pihak swasta, penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pelajar, orang awam yang berminat mendapatkan ilmu dalam bidang falak/ astronomi dan SARAS 2021 berbesar hati menerima penyertaan daripada MABIMS iaitu Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura.

SARAS 2021 telah dirasmikan oleh YB Senator Tuan Haji Idris bin Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) manakala penutup SARAS 2021 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Manakala ucapan aluan SARAS 2021 telah disampaikan oleh YBrs. Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN merangkap Penaung Kelab INSTUN. Dengan bertemakan "Ilmu Falak, Masyarakat dan Revolusi Industri 4.0", seminar ini telah menerima pembentang-pembentang yang mempunyai kepakaran yang mahir dalam bidang ilmu falak/ astronomi dari Malaysia dan luar negara seperti Turki, United Arab Emirates (UAE), Jepun dan Indonesia. 2 ucap tama, 7 kertas utama dan 18 kertas kerja sidang selari telah berjaya dibentangkan pada seminar ini dan pelbagai isu-isu berkaitan falak/astronomi dapat dibincangkan bersama pakar-pakar dan tokoh ilmuan falak/astronomi disamping dapat menjadi platform dalam saling bertukar idea dan pendapat akan bidang ilmu falak/ astronomi ini.

Pada SARAS 2021 ini, 6 kertas telah dipilih sebagai Pemenang Kertas Kerja Terbaik SARAS 2021. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang kertas kerja terbaik SARAS 2021 diatas penghasilan kertas kerja penyelidikan yang mempunyai nilai dan mutu karya berkualiti yang telah mendapat perhatian juri. Penganjuran SARAS 2021 telah menerima sumbangan penajaan daripada beberapa buah Jabatan/ Agensi di Malaysia. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Pejabat Menteri Besar Kelantan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Global-trak Systems Sdn. Bhd. (GTS).

Untuk makluman, pihak Jawatankuasa SARAS tahun 2021 telah memutuskan beberapa pelan tindakan yang boleh dijalankan oleh pihak-pihak yang berkepentingan sebagai way forward bagi kelangsungan aktiviti dalam bidang ilmu falak/ astronomi dalam bentuk resolusi. Ianya akan dibincangkan kemudian dan akan dikumpulkan oleh pihak Universiti Malaya (UM).

Selama hampir 10 bulan persiapan dan perbincangan secara dalam talian dijalankan, SARAS 2021 telah berjaya direalisasikan dengan jayanya. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penganjuran SARAS 2021. Pihak kami memohon maaf andai terdapat sebarang kekurangan sepanjang anda seminar bersama kami. Semoga berjumpa lagi pada SARAS akan datang!

Disediakan oleh:

Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN


GAMBAR SEPANJANG SEMINAR



Gambar 1: Penyertaan SARAS yang terdiri daripada peserta pihak Kerajaan, pihak swasta, penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pelajar, orang awam yang berminat mendapatkan ilmu dalam bidang falak/ astronomi dan penyertaan daripada MABIMS iaitu Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura



Gambar 2: Pembentang Ucaptama SARAS iaitu YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Zamri bin Zainuddin dari Universiti Malaya



Gambar 3: Pembentang Kertas Utama, Dr Kumiko Usuda-Sato dari *The National Astronomical Observatory of Japan* (NAOJ)



Gambar 4: Sesi Pembentang Sidang Selari yang dikoordinasi oleh Dr. Raihana binti Abdul Wahab




Gambar 5: Perasmian Seminar SARAS dirasmikan oleh YB Senator Tuan Haji Idris bin Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



Gambar 6: Penutup SARAS 2021 disempurnakan oleh YAB Dato' Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan



Gambar 7: Ucapan Alu-aluan oleh YBrs. Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN merangkap Penaung Kelab INSTUN



Gambar 8: Pengacara Majlis semasa SARAS 2021 dari Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)



Gambar 9: Bacaan doa oleh Ustaz Mohd Fakhri bin Zamri dari Jabatan Mufti Selangor



Gambar 10: Penyerahan kit seminar oleh Sr Ahmad Azmi bin Hashim (INSTUN) ke wakil Jabatan Mufti Selangor, En. Hardi bin Mohamad Sadali



Gambar 11: Barisan urus setia dari Jabatan/ Agensi Kerjasama yang menjayakan SARAS 2021